



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD. YUSOF  
KETUA SETIAUSAHA,  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**PROGRAM SEMARAK@MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL  
2024**

**11 OGOS 2024 (AHAD)**

**10.40 PAGI**

**MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL  
PETRONAS SEPANG INTERNATIONAL CIRCUIT**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

*Terima kasih kepada Pengacara Majlis.*

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan keizinan-NYA kita semua dapat berkumpul pada hari ini di Program Semarak@Muzium Automobil Nasional Tahun 2024 bertemakan ‘Muzium & Permotoran’.
  
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Muzium Automobil Nasional dan Jabatan Muzium Malaysia kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan majlis ini yang julung kali diadakan dengan kerjasama Litar Antarabangsa Petronas Sepang. Ia merupakan satu tanda sokongan jitu Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Sepang dalam usaha untuk melestarikan sejarah dan warisan negara selain meningkatkan pelancongan di daerah Sepang.

## **MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL**

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,*

3. Sebelum saya meneruskan ucapan dengan intipati program pada hari ini, izinkan saya berkongsi sedikit latar belakang penubuhan Muzium Automobil Nasional di Sepang ini. Industri automotif telah lama bertapak di negara ini sejak awal kurun ke 20 lagi dengan terbinanya jalan raya, infrastuktur dan kemasukan kenderaan bermotor yang sebahagian besar komponennya diimport dari England dan dipasang semula di negara ini. Syarikat Federated Engineering Company Limited dan Riley Hargreaves & Company Limited merupakan antara beberapa buah syarikat milik usahawan Inggeris yang terkenal ketika itu dalam industri kereta sejak tahun 1907.
4. Industri automotif di negara ini terus bergerak seiring dengan perubahan politik, ekonomi dan sosial negara sehinggalah negara mencapai kemerdekaan dan Malaysia dibentuk. Kesemua kereta dan motor yang memenuhi jalan raya pada ketika itu adalah diimport dari negara luar khususnya Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah seperti England, Jerman, Perancis dan Itali.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,*

5. Banyak maklumat dan bahan mengenai kereta dan automobil negara ini tersimpan di pelbagai agensi kerajaan, swasta dan individu tertentu yang hanya dapat dimanfaatkan oleh golongan tertentu sahaja. Justeru usaha untuk mengumpulkan segala bahan mengenainya

untuk dijadikan sebagai sebuah muzium khas merupakan antara peranan penting yang dilaksanakan oleh Muzium Automobil Nasional di bawah Jabatan Muzium Malaysia kini.

6. Muzium Automobil Nasional, Jabatan Muzium Malaysia dibuka kepada umum pada 19 Mac 2004 bersempena penganjuran Perlumbaan Petronas Malaysian Grand Prix 2004 yang dahulunya dikenali sebagai Litar Antarabangsa Sepang (SIC).
7. Pemilihan Litar Antarabangsa Petronas Sepang (PSIC) sebagai lokasi penubuhan Muzium Automobil Nasional ini adalah bertepatan dengan peranan muzium bukan sahaja menginterpretasikan sejarah perkembangan automotif di Malaysia malah dapat mengetahui teknologi dan perkembangan semasa automotif melalui penganjuran sukan-sukan permotoran berprestij oleh pihak Litar Antarabangsa Petronas Sepang (PSIC).
8. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke 20 buat Muzium Automobil Nasional. Penganjuran program Semarak@Muzium Automobil Nasional yang julung kali diadakan di lokasi berprestij ini merupakan satu pengalaman yang amat berharga.

#### **PERANAN MUZIUM KEPADA MASYARAKAT**

9. Secara peribadi, saya berpandangan institusi muzium mempunyai peranan yang lebih besar kepada masyarakat dan tidak sekadar

sebagai pusat pembelajaran tidak formal. Muzium perlu memfokuskan pelbagai pendekatan yang sesuai untuk pelbagai kategori pelawat seperti pelajar, penyelidik, keluarga, kumpulan pelancong (domestik dan luar negara) serta pencinta warisan dan peminat koleksi permotoran yang merupakan antara produk pelancongan di Sepang.

10. Saya mengharapkan perancangan program dan aktiviti Muzium Automobil Nasional pada tahun-tahun berikutnya akan berterusan disertai pelbagai kaum, pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat sekaligus dapat menyemarakkan semangat muhibah sesama mereka seperti mana yang disasarkan dalam Dasar Perpaduan Negara.
11. Saya juga menggalakkan Muzium Automobil Nasional agar terus berusaha mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang lebih kreatif, berimpak tinggi dan berinovatif dengan aplikasi teknologi terkini agar institusi muzium ini terus kekal relevan dan menjadi produk pelancongan di daerah Sepang dan juga di peringkat Negeri Selangor.

## **PENUTUP**

12. Saya yakin pihak Jabatan Muzium Malaysia mempunyai perancangan jangka panjang khususnya perancangan pembangunan bagi memastikan Muzium Automobil Nasional ini terus dibangunkan dan ditambahbaik sesuai dengan muzium bertaraf nasional.

Kerjasama strategik dengan pihak swasta terutama pemain industri permotoran utama boleh digembeling ke arah mencapai misi tersebut.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekalung tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia amnya dan Muzium Automobil Nasional khususnya kerana atas penganjuran Program Semarak@Muzium Automobil Nasional yang mana saya yakin program ini boleh menyumbang ke arah pemahaman masyarakat dan para pendokong muzium negara ini mengenai persepsi muzium terkini dan akan datang. Saya percaya orang ramai yang hadir dapat menambah ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman di samping memupuk perpaduan sesama warga Sepang dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan.

Akhir kata, **saya dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, dengan ini merasmikan Program Semarak@Muzium Automobil Nasional.**

Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.